



**TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR UTM
YBHG. PROF. DATUK IR. DR. WAHID OMAR
PADA 16 OGOS 2014 (SABTU)
MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL PENGAJIAN
TINGGI NEGARA 2014**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين،
وعلى آله وصحبه أجمعين.

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

**Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin bin Hj
Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap
Menteri Pendidikan Malaysia dan Yang Amat Berbahagia
Puan Sri Norainee Abdul Rahman**

**Yang Amat Berhormat Dato Haji Mohamed Khaled bin
Nordin, Menteri Besar Johor dan Yang Amat Dihormati
Datin Seri Rosni Omar**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri
Johor**

**Yang Berbahagia Dato' Seri Zaini Ujang, KSU 2 dan Yang
Berbahagia Datin Zainah Mokhtar**

**Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Halim Ali, Pengerusi
Lembaga Pengarah UTM**

**Yang Berbahagia Ahli-ahli Lembaga Pengarah
Universiti-Universiti awam dan swasta**

Naib Canselor -Naib Canselor IPTA dan IPTS

Yang Berhormat-Yang Berhormat

Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri- Puan Sri

Para Guru,

Rakan-rakan media,

**Tuan-tuan, puan-puan, hadirin dan hadirat dan
pelajar-pelajar yang dikasihi dan dihormati sekalian.**

Ceria suria menerangi hari

Menyambut tuan datang ke mari

Selamat Datang saudara dan saudari

Dataran UTM tersedia menanti

Sinar Syawal masih dirasai
Eidil fitri bersama dirai
Jom Masuk U Karnival pengajian tinggi
Terima kasih YAB Tan Sri sudi merasmi

Alhamdulillah, saya merafa'kan setinggi-tinggi kesyukuran dengan limpah kurnianya, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perasmian Penutup Karnival Pengajian Tinggi Negara 2014 yang terakhir untuk tahun 2014 ini. Dengan kemeriahan Sambutan 1 Syawal masih dirasai, Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Eidil Fitri, Minal A'idin Wal Faizin kepada para hadirin yang beragama Islam.

Pertamanya, Saya dan seluruh warga universiti mengalu-alukan kehadiran dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua tetamu khususnya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin bin Hj Mohd Yassin dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Haji Mohamed Khaled bin Nordin di atas kesediaan YAB Tan Sri & YAB Dato' hadir ke Dataran UTM, kampus hijau, UTM

Johor Bahru bagi menyempurnakan perasmian majlis karnival pada pagi ini. Saya percaya kehadiran YAB Tan Sri dan YAB Dato pada pagi ini akan menyemarakkan lagi semangat seluruh warga Universiti, wakil-wakil IPTA, para guru dan pelajar-pelajar sekalian untuk terus melakukan yang terbaik ke arah meningkatkan keupayaan, pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama di kalangan warga negara Malaysia sebagaimana yang dihasratkan oleh kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebagaimana diketahui, Karnival Pengajian Tinggi Negara yang diadakan di UTM pada 16 dan 17 Ogos ini merupakan siri terakhir bagi tahun 2014 ini. Justeru, saya mewakili seluruh warga UTM berasa berbesar hati dan mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pengurusan Politeknik Ibrahim Sultan, Johor Bahru yang memberi kepercayaan kepada UTM sebagai salah satu lokasi untuk menganjurkan Karnival Pengajian Tinggi Negara bagi Zon Johor ini. Saya percaya, sebagai salah satu daripada program *flagship* Kementerian Pendidikan

Malaysia, penganjuran karnival tahunan ini akan menjadi platform terbaik bagi memberikan dan menyebarkan maklumat yang tepat dan terkini kepada pelajar sekolah dan calon mahasiswa. Di samping itu juga, ia tentunya menjadi saluran terbaik dalam memperkasa aspirasi kerajaan meningkatkan aksesibiliti dan ekuiti pengajian tinggi di dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan dan membangunkan masyarakat berilmu.

Saya juga yakin usaha yang berterusan dan kerjasama yang erat di antara Kementerian Pendidikan Malaysia dan Institusi Pengajian Tinggi dalam merealisasikan penganjuran karnival ini, amat bertepatan dalam melahirkan modal insan yang berilmu, berkemahiran, berintegriti, beretika tinggi, berkualiti serta berdaya saing yang mampu menjadi pemangkin pembangunan Negara dalam mencapai matlamat Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Sebagai salah satu daripada 5 Universiti Penyelidikan, kami di UTM juga sentiasa berusaha memastikan kualiti pendidikan yang ditawarkan serta kemudahan prasarana

yang disediakan menepati dan mencapai standard yang ditetapkan. Saya bagi pihak universiti ingin merakamkan jutaan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia di atas peruntukkan menerusi Rancangan Malaysia ke-9 yang mencecah RM 1 bilion yang diberikan kepada UTM bagi membangunkan dan menambah baik prasana dan kemudahan fizikal di seluruh kampus UTM Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Saya dengan penuh kesyukuran dan berbesar hati ingin berkongsi dengan YAB Tan Sri dan para hadirin sekalian, bahawa keseluruhan projek pembangunan ini telah berjaya disempurnakan dengan jayanya yang memberikan keselesaan kepada para **22, 504** mahasiswa dan **5,335** staf UTM. Untuk makluman YAB Tan Sri juga, Stadium UTM yang kini menjadi medan berlangsungnya kejohanan Sukan Staf Universiti-Universiti Malaysia (SUKUM 2014) juga merupakan salah satu mercu tanda yang dibina melalui peruntukan tersebut.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Malaysia atas kelulusan peruntukkan berjumlah RM 40 juta untuk peralatan asas makmal bagi bangunan baru, RM 17 juta untuk penggantian peralatan kejuruteraan usang, RM 10

juta untuk peningkatan infrastruktur e-Campus dan RM 6 juta untuk program fellowship MJIT yang keseluruhannya berjumlah RM 73 juta yang amat penting bagi memastikan para mahasiswa yang terpilih ke UTM memperoleh fasiliti dan ruang serta suasana pembelajaran yang terbaik.

Bagi memastikan *visibility* Intitusi pengajian tinggi di Malaysia termasuklah UTM semakin terserlah, pelbagai usaha penjenamaan dan promosi antaranya melalui penaiktarafan dan pengemaskinian laman web UTM dan program berimpak tinggi telah diadakan.

Sebagai contoh, baru-baru ini, UTM telah memperbaiki kedudukan dalam World Webometric Ranking bagi sesi Julai 2014 dimana UTM telah mencatatkan peningkatan sehingga **121 anak tangga** dan menduduki kedudukan pertama di kalangan universiti di Malaysia. Dan yang terkini, UTM juga telah berjaya meraih penarafan pertama dalam Penarafan Repositori Institusi (IPR). Penarafan ini menyokong inisiatif akses terbuka untuk penerbitan saintifik dalam bentuk elektronik dan bahan akademik yang lain dan seterusnya membantu menyemarakkan budaya ilmu di kalangan

masyarakat. Manakala jika dilihat jumlah pengambilan mahasiswa Pasca Siswazah, UTM masih mengekalkan angka antara yang tertinggi di peringkat antarabangsa dengan 5014 orang.

Kesemua pencapaian ini asasnya telah dibina oleh Naib Canselor – Naib Canselor sebelum ini termasuklah YBhg. Dato Seri Zaini Ujang yang kini diamanahkan sebagai Ketua Setiausaha II, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Untuk akhirnya, Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin bin Hj Mohd Yassin dan YAB Dato' Haji Mohamed Khaled bin Nordin, Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor, Rektor, wakil-wakil IPTA dan IPTS, para pempamer, guru-guru, para pelajar sekolah dari seluruh negeri Johor dan para tetamu serta hadirin sekalian di atas kehadiran semua menjayakan majlis kita pada hari ini. Sedikit pesanan, bagi yang pertama kali menjejakkan kaki ke bumi UTM ini, saya mempelawa tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk mencuba dan merasai sendiri pelbagai kemudahan dan aktiviti gaya hidup sihat melalui pelbagai pakej Kampus Ekotourism UTM ini. Sekali lagi, tahniah diucapkan kepada Jabatan Pengajian

Tinggi, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Politeknik Ibrahim Sultan dan semua pihak yang telah terlibat menjayakan Karnival Pengajian Tinggi Negara 2014 dari zon 1 hingga zon 6 dan berharap semoga kita semua memperolehi manfaat dari penganjuran program ini. Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيقُ والهداية،
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته.